



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

## KENYATAAN MEDIA

PENGAMBILAN KHAS  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41  
SECARA *ONE-OFF* TAHUN 2021

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM) ingin memaklumkan bahawa hebahan bagi Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Secara *One-Off* Tahun 2021 seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pendidikan pada 20 Jun 2021 akan dikeluarkan pada 7 Julai 2021 selewat-lewatnya jam 5.30 petang.

Pengambilan khas ini akan mengutamakan Graduan Pendidikan sama ada lepasan universiti awam, swasta ataupun luar negara. Urusan ini akan diperluas kepada graduan bukan iktisas pendidikan melalui kepelbagaian kaedah pelantikan pada fasa berikutnya sekiranya masih terdapat kekosongan yang tidak dapat ditampung oleh Graduan Pendidikan.

Sehubungan dengan itu, SPP menyarankan calon-calon yang terlibat agar bersedia dan sentiasa melayari laman sesawang dan platform media sosial rasmi SPP bagi mendapatkan maklumat terkini berkaitan urusan temu duga pengambilan khas ini.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**  
**6 JULAI 2021**